

17/01/2005

Dr Mahathir kutip RM200,000

SEPANG: "Saya bagi tahu awal-awal lagi kepada mereka yang nak naik kereta saya, iaitu saya umur 79 tahun...tangan pun dah ketar-ketar dah...dan mata pun, dah tak berapa nampak.

"Jadi, kalau nak naik...naik, tapi saya tak jamin. Tapi mereka sanggup, sanggup ambil risiko jadi saya pun bawa kereta," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berjaya meraih sumbangan hampir RM200,000 daripada pembida dalam majlis amal membantu mangsa tsunami, 'Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami' di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini, semalam.

Dr Mahathir yang amat meminati sukan permotoran, bertindak sebagai 'pemandu khas' dengan membawa sembilan pembida tertinggi mengelilingi litar sepanjang 5.543 kilometer dengan kereta Porsche Cayenne bernombor pendaftaran MM 1.

Keupayaan Dr Mahathir melakukan tiga pusingan bagi membawa sembilan pembida terbanyak itu, dikagumi tetamu serta orang ramai yang menyaksikan majlis amal istimewa yang julung kali diadakan di SIC.

Kecekapan Dr Mahathir mengawal kereta Porsche Cayenne, terutama ketika melalui selekoh tajam pada kelajuan tinggi, cukup mengagumkan malah ramai penonton hairan bagaimana bekas Perdana Menteri itu mampu melakukan aksi lasak dalam usianya itu.

Dr Mahathir ketika ditemui berkata, beliau secara berseloroh berpesan kepada sembilan penderma yang membuat sumbangan amal itu supaya berfikir dua kali sebelum menjadi 'penumpang'nya kerana dikhuatiri mereka tidak selesa atau selamat.

"Tapi nampaknya mereka sanggup (naik kereta yang dipandunya)...tapi saya bawa perlahan saja. Alhamdulillah selamat...dan saya bersyukur kerana mereka sanggup derma begitu banyak," katanya.

Ditanya benarkah kelajuan yang dicapainya ketika memandu kereta Porsche Cayenne itu mencapai 200 kilometer sejam berdasarkan apa yang diberitahu penderma terbabit, Dr Mahathir berkata:

"Tidaklah...saya cuba nak potong kereta Ferrari di depan, gaya saja nak boleh potong, dia pecut pi. Saya tak boleh, kereta tu (Porsche Cayenne) dia punya pecutan tak bolehlah macam Ferrari."

Dr Mahathir berkata, beliau berbangga majlis 'Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami' mendapat sambutan baik malah ramai peminat sukan motor termasuk tokoh korporat tampil memberi sumbangan.

"Saya tidak menduga ramai tampil memberi sumbangan bagi membantu mangsa tsunami," katanya.

Antara mereka yang membuat tawaran tertinggi serta berpeluang menaiki kereta yang dipandu Dr Mahathir ialah Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin; Pengerusi Eksekutif Malaysian Maritime & Dredging Corporation Sdn Bhd, Iskandar Hussin dan Pengerusi Eksekutif DCEIL International Berhad, Datuk Dr John Tan.

Salah seorang penderma, SM Nasimuddin ketika ditemui berkata, beliau kagum dengan kebolehan Dr Mahathir memandu kereta malah menyifatkan pemimpin itu seorang pemandu yang baik.

"Dr Mahathir sentiasa kelihatan yakin walaupun memandu kereta dalam kelajuan tinggi. Beliau juga seorang yang berhati-hati ketika berada di atas litar," katanya.

Berkongsi pengalaman sama, seorang lagi penderma, Iskandar berkata,

beliau tidak menduga pada usia 79 tahun Dr Mahathir boleh memandu sebegitu laju dan cekap.

"Ada ketikanya Dr Mahathir melalui selekoh pada kelajuan 120 kilometer sejam. Saya kagum dengan cara beliau mengawal kereta dan ternyata Dr Mahathir pemandu yang cekap...beliau tidak terburu-buru meningkatkan had laju kereta," katanya.

Sementara itu, majlis amal `Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami' di SIC berjaya mengutip RM607,671.77 melalui sumbangan badan korporat, pertubuhan dan individu.

Acara yang bermula pagi semalam menyaksikan kira-kira 200 pemandu kereta dan 120 penunggang motosikal beraksi di litar SIC, atas tujuan amal dengan bayaran sebanyak RM150 daripada setiap peserta disalurkan kepada tabung mangsa tsunami.

Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Mahathir berkata, majlis amal itu mendapat sambutan amat menggalakkan daripada komuniti sukan permotoran negara termasuk dari Singapura.

"Saya sendiri tidak pernah menyaksikan bagaimana kuatnya sokongan komuniti sukan permotoran dalam majlis amal seperti yang diadakan ini. Saya anggap ini adalah pencapaian di luar dugaan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata, kempen kutipan derma akan diteruskan sehingga SIC menjadi tuan rumah perlumbaan F1 pada 20 Mac depan serta majlis makan malam gala yang akan diadakan pada 17 Mac depan.

(END)